

# Usim sambut pelajar baharu

**NILAI** – Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) menerima pelajar baharu pra-universiti seramai 910 orang yang mendaftar di Pusat Tamhidi Usim bagi sesi pengambilan akademik 2015/2016.

Pendaftaran bermula jam 9 pagi hingga 3 petang bertempat di Dewan Besar Usim itu berjalan lancar dengan beberapa kaunter khas disediakan Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pusat Teknologi Maklumat bagi memudahkan para pelajar.

Bekas pelajar Sekolah Agama Sultan Mohamad Batu Berendam Melaka, Muhamad Hafizuddin Hazaraimi, 18, berkata, dia amat teruja apabila dapat diterima melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Sains dan Teknologi

di Usim.

"Saya tidak sangka peluang ini saya dapat untuk mengikuti pengajian di sini. Pasti saya akan belajar bersungguh-sungguh untuk mengejar cita-cita sebagai doktor perubatan," katanya.

Bagi, bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah Melaka, Aimi Afiqah Sulaiman, 18, sememangnya menjadi impiannya untuk melanjutkan pengajian di sini bagi meningkatkan ilmu agama kerana Usim merupakan universiti Naqli dan Aqli.

"Sudah tentu saya gembira kerana impian tercapai akhirnya untuk menjadi pelajar Usim. Di sini saya melanjutkan pengajian ke program Tamhidi Perakaunan dan Muamalat. Saya bercita-cita ingin menjadi akauntan," katanya.